



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Kepelbagaiannya Bangsa Dalam Islam

**Nilai Teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.38 Merumuskan kefahaman ayat 13 surah al-Hujuraat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 1.38.4 Menjelaskan kandungan ayat:  
(i) Tuntutan saling kenal mengenali dalam kalangan bangsa dan kaum  
(ii) Keutamaan takwa  
1.38.5 Merumuskan pengajaran ayat 13 surah al-Hujuraat

**Objektif:**

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

- Menjelaskan tujuan dituntut saling kenal mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa dan kaum
- Menghuraikan keutamaan takwa dalam Islam
- Menjelaskan pengajaran ayat

### Aktiviti Literasi Sivik 1

- Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Murid berbincang tentang kandungan ayat mengenai tuntutan saling kenal mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa.
- Murid menulis hasil perbincangan pada sehelai kertas A4 secara bergilir-gilir.
- Kertas tersebut ditukar dengan kumpulan yang lain untuk disemak dan membuat penambahbaikan sekiranya jawapan belum lengkap.
- Wakil setiap kumpulan akan menulis satu jawapan yang berlainan di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

- Guru menerangkan kepada murid tentang konsep takwa dan keutamaan sifat tersebut.
- Murid dibahagikan kepada dua kumpulan yang diberikan tajuk seperti berikut:
  - Kumpulan 1: Konsep dan keutamaan takwa
  - Kumpulan 2: Pengajaran ayat
- Murid berbincang di dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
- Hasil dapatan ditampal di dinding kelas. Murid bergerak di dalam kumpulan dari satu hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
- Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai sesi pengajaran dan pembelajaran)